



SEKTOR PENGURUSAN IPTS  
(Private Higher Education Institution Sector)  
JABATAN PENGURUSAN IPT  
(Department of Higher Education Management)  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
(Ministry of Higher Education Malaysia)  
ARAS 1, BLOK E3, PARCEL E,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62505 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN



Tel : 03 88835000  
Fax : 03 88893836

Ruj.Kami: KPT(JPS)100-4 ( 5 )

Tarikh : 30 November 2005

Semua Ketua Eksekutif  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Y.Bhg. Tan Sri/ Dato'/Datuk/Datin/Profesor/Tuan/Puan.

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN, SEKTOR PENGURUSAN INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI SWASTA, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BIL. 2/2005**  
Pemberitahuan Berhubung Pengecualian Pelaksanaan Mata Pelajaran Wajib Ke  
Atas Pelajar Bukan Warganegara Malaysia di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pengecualian mata pelajaran wajib kepada **pelajar bukan warganegara Malaysia** yang menuntut di IPTS. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 6/2000 bertarikh 19 Disember 2000.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan sedia maklum Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) telah mula berkuat kuasa pada 31 Disember 1997. **Subsksyen 43 (1),(2) dan (3) Akta 555** memperuntukkan bahawa semua institusi pendidikan tinggi swasta dikehendaki mengajar mata pelajaran wajib iaitu:

**2.1 Mata Pelajaran Bahasa Kebangsaan (B)**

Mata pelajaran Bahasa Kebangsaan B hendaklah diambil oleh pelajar bukan warganegara Malaysia.

**2.2 Mata Pelajaran Pengajian Malaysia**

Pelajar warganegara Malaysia dan pelajar bukan warganegara Malaysia yang mengikuti kursus pengajian peringkat sijil, diploma dan ijazah hendaklah mengambil pengajian Malaysia.

2.3 Mata Pelajaran Pengajian Agama Islam Atau Pendidikan Moral

Pengajian Agama Islam hendaklah diambil oleh pelajar yang menganut agama Islam. Manakala pelajar bukan penganut agama Islam hendaklah mengambil Pendidikan Moral.

3. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan mata pelajaran wajib seperti pada Para 2.1, Para 2.2 dan Para 2.3 dikecualikan daripada diambil oleh pelajar bukan warga negara Malaysia yang menuntut di IPTS. Namun begitu, pihak Kementerian tidak menghalang jika pelajar bukan warganegara Malaysia berminat untuk mengikuti pengajian mata pelajaran wajib tersebut.


4. Mata pelajaran wajib ini masih kekul wajib diambil oleh pelajar warga negara Malaysia seperti peruntukan sedia ada.

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa kepada kohort pelajar sedia ada dan yang akan berdaftar mulai 01 Januari 2006.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SEKTOR PENGURUSAN IPTS PENJANA PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA"



( PROF. DR. MAHANI BT. ZAINAL ABIDIN )  
Timbalan Ketua Pengarah  
Sektor Pengurusan IPTS  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- s.k
1. Y.B. Dato' Sri Dr. Hj. Shafie bin Hj. Mohd. Salleh  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.
  2. Y.B. Dato' Fu Ah Kiow  
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
  3. Y.B. Datuk Dr Adham Bin Baba  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
  4. YBhg. Dato' Prof. Dr Hassan Bin Said,  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengurusan IPT,  
Kementerian Pengajian Tinggi.
  5. YBhg. Dato' Dr Mohd. Yahya Bin Nordin,  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
  6. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
  7. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan,  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
  8. Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Penyelarasan Dasar,  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
  9. Ketua Eksekutif  
Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
  10. Ketua Eksekutif,  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).
  11. Penasihat Undang-Undang.  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
  12. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
  13. Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)  
YB Menteri Pengajian Tinggi .